

11 OCT 2003

Mahathir-Teroka

PEMODAL TEROKA PERLU UBAH PEMIKIRAN DAN CARA BEKERJA

PUTRAJAYA, 11 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bank dan institusi kewangan perlu menukar pemikiran dan cara bekerja dalam menilai ciptaan dan idea baru bagi membolehkan teknologi baru dikeluarkan.

Perdana Menteri berkata bank dan institusi kewangan masih tidak berupaya untuk menilai ciptaan dan idea baru dan tidak bersedia mengambil risiko terhadap wang mereka walaupun mereka ini kononnya pemodal teroka.

"Malah pemodal teroka amat berhati-hati mengenai pelaburan. Jadi kita masih belum mempunyai budaya itu. Bank kita meminjamkan wang atas dasar cagaran.

"Jika kita mempunyai cagaran, adakalanya sandaran itu bernilai lebih daripada 100 peratus wang mereka yang akan mereka pinjamkan. Mereka perlu menukar pemikiran mereka dan cara mereka bekerja," katanya pada persidangan media selepas merasmikan dan meninjau makmal mega Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) pertama Malaysia InventQjaya Sdn Bhd (IQJ), di Cyberjaya dekat sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata ia akan mengambil masa sebelum mereka boleh berbuat demikian.

Dr Mahathir diminta mengulas lanjut ucapannya yang menggesa bank dan institusi kewangan membiayai projek penyelidikan, malahan projek yang berisiko tidak mendatangkan hasil.

Mengakui bahawa malahan kerajaan juga keberatan untuk melabur dalam projek reka cipta seperti makmal IQJ, beliau berkata kerajaan turut mempersoalkan sama ada ia benar-benar boleh melakukannya tetapi mereka memerlukan wang untuk memulakannya.

"Kita (kerajaan) mengambil risiko itu. Kita membina makmal, membeli peralatan dan semua itu...peralatan yang amat mahal dan kita mula melihat beberapa hasil," katanya.

Kepada satu soalan sama ada geran Peningkatan Penyelidikan Dalam Bidang-bidang Utama (IRPA) yang disediakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar patut diperluaskan kepada reka cipta dan idea baru, Dr Mahathir berkata ia bukannya mengenai memperluaskannya tetapi lebih kepada proses penilaian.

"Bukan soal perluas tetapi soal penilaian. Kita hendak tahu sesuatu idea itu boleh jadi atau pun tak boleh jadi. Oleh itu kita minta dipertunjukkan dulu, tapi dia tak boleh tunjuk melainkan dia buat. Untuk dia buat sesuatu dia perlu wang, tak ada wang dia tak boleh tunjuk.

"Jadi yang mana satu? Di mana kita perlu mulakan, bagaimana untuk mencari penyelesaian kepada masalah itu?" tanya beliau.

Kepada satu soalan mengenai mekanisme untuk mengkomersialkan ciptaan dan penemuan baru, beliau berkata ia akan mengambil masa.

"Sebagai contoh, kereta (MeVictory) boleh bergerak, tentunya bagi jarak yang jauh tetapi ia memerlukan pengubahsuaian. Dan pengubahsuaian itu merupakan pengubahsuaian di peringkat makmal, bukannya pengubahsuaian secara komersial, kerana ia akan dilakukan dengan lebih kemas dan dilaksanakan dengan betul," katanya.

Terdahulu pada majlis itu, Dr Mahathir melepaskan IQJ-MeVictory, sebuah kereta hibrid yang dijana dengan bahan bakar logam, yang akan dipandu dari Cyberjaya ke Alor Star sempena pelancaran makmal itu, usahasama antara kerajaan Malaysia dan Reveo Inc, Amerika Syarikat.

Kenderaan itu cuba memecah rekod sebelum ini yang dicatatkan oleh Reveo Inc di New York sejauh 344.67km. Ujipandu kenderaan itu pada Khamis di

sekitar Cyberjaya telahpun berjaya meliputi jarak 516km.

Perdana Menteri berkata negara kini dalam proses pembelajaran bagaimana untuk mengkomersialkan ciptaan dan idea-idea baru.

"Kita mesti ingat bahawa elektronik dicipta oleh rakyat Eropah tetapi Sony (dari Jepun) yang memutuskan untuk menggunakan perkara ini bagi (radio) `Walkman'. Jadi antara mereka yang menciptanya, yang tidak mengkomersialkannya, ada orang lain yang akan mengkomersialkannya," kata beliau.

Mengulas mengenai kejayaan IQJ dan ciptaannya dan teknologi tinggi yang baru sejak pelancaran makmal "pantas" di sini Januari lepas, Dr Mahathir berkata ia baik kerana sejumlah ciptaan dan idea telah dikeluarkan dan boleh dikomersialkan.

"Terdapat banyak lagi idea lain yang sedang diusahakan. Saya fikir lama kelamaan mereka akan berupaya mengeluarkan benda yang dunia akan melihatnya dan menggunakan serta menerimanya sebagai satu teknologi yang berasal dari Malaysia," katanya.

Perdana Menteri juga menyatakan rasa puashati dengan ciptaan dan produk yang dikeluarkan oleh IQJ.

-- BERNAMA

HS SM AZZ RON